

ULTRACARBON N.F. TABLET

Arang Aktif 250mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ULTRACARBON N.F. TABLET
2. Bagaimana ULTRACARBON N.F. TABLET berfungsi
3. Sebelum mengambil ULTRACARBON N.F. TABLET
4. Cara menggunakan ULTRACARBON N.F. TABLET
5. Semasa menggunakan ULTRACARBON N.F. TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ULTRACARBON N.F. TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ultracarbon N.F. Tablet

Cirit birit terutama ketika melancong ke negara yang mempunyai masalah risiko kebersihan tinggi (pertukaran pemakanan, melancung dan cirit birit musim panas), pembentukan gas atau udara di dalam usus, atau kembung.

Bagaimana Ultracarbon N.F. Tablet berfungsi

Ultracarbon N.F. Tablet mengandungi arang aktif yang berkualiti tinggi yang dikeluarkan dengan mengkarbonisasikan bahan sayuran. Tinggi daya serapan kerana permukaannya yang luas.

Tablet digunakan dalam kes cirit birit, terutama ketika melancong ke negara yang tinggi risiko kebersihan.

Arang perubatan dipindahkan secara semulajadi bersama dengan serapan agen toksik.

Sebelum mengambil Ultracarbon N.F. Tablet

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda mempunyai alahan kepada arang perubatan atau apa apa bahan dalam Ultracarbon N.F.
- Kes sembelit yang berat dan disyaki usus terhalang.

Sebelum mula mengambil

Ultracarbon N.F. boleh diambil ketika mengandung dan menyusu anak.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Kerana daya serapan yang tinggi, arang perubatan mungkin mengurangkan kesan ke atas produk ubatan yang lain.

Ultracarbon N.F. tidak boleh digunakan bersama-sama dengan ubat-ubatan yang menyebabkan muntah atau persediaan yang mengandungi tannin.

Jika mengambil ubat kencing manis *chlorpropamide*, atau ubat jantung glycosides, dicadangkan supaya ubat ini diambil 2 jam sebelum Ultracarbon N.F. Tablet, atau selang beberapa jam.

Penggunaan arang perubatan boleh mengurangkan keberkesanan pil perancang/inhibitor ovulasi. Oleh itu adalah perlu menggunakan perancang tambahan selepas mengambil arang perubatan.

Sebarang ubat lain mestilah diambil sekurang-kurangnya 1 jam sebelum Ultracarbon N.F. tablet diambil.

Tolong beritahu doktor/ahli farmasi jika anda ada mengambil atau pernah mengambil ubat lain

termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Ultracarbon N.F. Tablet

Berapa banyak harus digunakan

Dalam kes cirit birit, gas di dalam usus dan kembung, orang dewasa dan kanak-kanak berumur 6 tahun ke atas, ambil 3-4 tablet, tiga kali sehari dengan meminum air yang mencukupi, kunyah atau tidak kunyah.

Bila perlu digunakan

Ultracarbon N.F. boleh dikunyah/ atau ditelan bersama dengan sedikit cecair.

Berapa lama perlu digunakan

Ultracarbon N.F. mesti diambil sehingga pergerakan usus kembali normal.

Jika tidak sembuh selepas 3 hari, tolong beritahu doktor.

Tidak perlu risau jika menghentikan rawatan.

Jika anda mempunyai soalan lain tentang penggunaan produk ini, sila bertanya doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk mengganti dos yang terlupa diambil

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sembelit mungkin berlaku. Ini boleh diatasi dengan mengambil julap.

ULTRACARBON N.F. TABLET

Arang Aktif 250mg

Semasa menggunakan Ultracarbon N.F. Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

Ubat mesti diambil seperti yang diarahkan oleh doktor

Mesti memberitahu doktor dan ahli farmasi yang merawat bahawa anda mengambil Ultracarbon N.F. tablet

Mesti memberitahu doktor secepat mungkin sekiranya hamil apabila sedang mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali diarahkan oleh doktor

Jangan mengambil ubat baru sebelum memberitahu doktor

Jangan memberi Ultracarbon N.F. Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai tanda-tanda yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Selepas pengambilan Ultracarbon N.F. Tablet, najis mungkin berwarna hitam, fenomena tidak berbahaya. Najis mesti diawasi beberapa hari selepas berhenti mengambil Ultracarbon N.F. Jika masih berwarna hitam, sila beritahu doktor untuk menolak kemungkinan pendarahan gastrousus.

Jika keracunan disyaki atau sakit meningkat di bahagian perut dan usus atau dalam kes demam cirit birit, doktor mesti diberitahu dengan segera.

Ultracarbon N.F. Tablet tidak mempengaruhi keupayaan untuk memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Ultracarbon N.F. Tablet boleh memberi kesan sampingan, walaupun tidak kepada semua orang. Jika kesan sampingan semakin serius atau kesan tersebut tiada di dalam risalah ini, tolong beritahu doktor atau ahli farmasi.

Penyakit Gastrousus:

Dalam kes yang jarang, gangguan gastrousus, seperti sembelit dan muntah mungkin berlaku.

Najis mungkin berwarna hitam selepas mengambil Ultracarbon N.F. tablet, disebabkan arang dikeluarkan dari usus tanpa perubahan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ultracarbon N.F. Tablet

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya matahari.

Simpan dalam bungkusan asal untuk melindungi kandungan daripada cahaya dan kelembapan.

Jauhi dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan guna produk perubatan selepas tarikh luput "Exp" yang tertera di luar karton. Tarikh luput merujuk kepada tarikh akhir dalam bulan tersebut.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet Hitam bulat

Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

1 tablet mengandungi 0.250g arang aktif (arang berubat)

Bahan tidak aktif:

Maltodextrin, hydroxypropylcellulose, povidone, iron oxide, magnesium stearate.

Nombor MAL:

MAL20032273XRZ.

Dikilang untuk F.Trenka oleh:

F. Trenka chem.-pharm. Fabrik GmbH

Prinz-Eugen-Straße 70, 1040

Vienna, Austria.

Pemegang Pendaftaran Produk

Nano Medic Care Sdn. Bhd.

No. 1-6 & 1-12, 1st Floor, Jalan Indah 2, Taman Indah, 84000, Muar, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

Disember 2025

No Siri

NPRA (R2/1)200324/402